

01 APR 2002

Mahathir-Reaksi/I

DUNIA ISLAM PUJI DR MAHATHIR KERANA UCAPAN BERSEMANGAT MENGENAI  
KEGANASAN

KUALA LUMPUR, 1 April (Bernama) -- Para pemimpin Islam hari ini bersatu dan mencapai kata sepakat bagi memerangi keganasan sejagat dan memuji Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana ucapannya yang bersemangat dan menyeluruh mengenai keganasan.

Ucapan Dr Mahathir selama 45 minit pada Sesi Khas Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mengenai Keganasan di sini mendapat tepukan gemuruh daripada wakil dari 53 negara anggota OIC.

Dr Mahathir juga menggesa negara-negara Islam mengamalkan pendirian bersama mengenai keganasan dan mengambil tindakan ke atas mereka yang mencabulinya melalui Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Beliau juga menyentuh mengenai pelbagai bentuk keganasan dan definisi serta tanggapan negatif tentang keganasan yang dikaitkan dengan Islam dan masyarakat Islam.

Pandangan menyeluruhnya mengenai keganasan dan perjuangan Palestin akan mencorakkan suasana pada sesi khas selama tiga hari itu ketika Israel memperhebatkan tindakan ketenteraannya ke atas rakyat Palestin.

Reaksi para perwakilan mencerminkan persetujuan mereka secara sebulat suara bahawa pandangan Dr Mahathir boleh dijadikan garis panduan bagi mengkaji keganasan dalam perspektif yang lebih luas.

Menteri Luar Palestin Farouk Kaddoumi, satu-satunya pemimpin yang menjadi tumpuan wartawan di sini, menyifatkan ucapan Dr Mahathir sebagai bersemangat.

"Saya berpendapat ia ucapan yang bersemangat bagi semua perwakilan pada mesyuarat ini bagi membincangkan cara-cara bagi memerangi keganasan dan mendefinisikan apa yang dimaksudkan dengan keganasan," kata beliau pada mesyuarat itu yang diadakan di Palace of Golden Horses Hotel, di sini.

Ketika ditanya sama ada dunia Arab menyokong perjuangan rakyat Palestin, beliau berkata semua mereka bersatu untuk membela

perjuangan

Palestin bagi membebaskan bumi Palestin daripada pendudukan Israel.

Menteri Luar sementara Afghanistan, Dr Abdullah Abdullah, berkata

ucapan Dr Mahathir adalah menyeluruh dan bernas bagi menangani isu keganasan.

" Saya berpendapat ia ucapan yang komprehensif dengan mengambil kira

semua aspek masalah yang dihadapi dan selaras dengan apa yang kami (Afghanistan) berpendapat," kata beliau.

Dr Abdullah berkata Dr Mahathir juga menarik perhatian tentang perlunya

dunia mengambil tindakan bagi menangani keganasan yang menjadi isu utama

dalam politik dunia berikutan serangan ke atas Amerika Syarikat pada 11

Sept.

Menteri Luar Mali, Modibo Sidibe, yang juga kagum dengan ucapan Perdana

Menteri, menyifatkan Dr Mahathir sebagai pemimpin yang berilmu lagi dinamik

yang memahami masalah global yang dihadapi oleh masyarakat Islam.

"Ucapan itu akan menjadi garis panduan bagi kami...Saya yakin pada

akhir sesi, semua wakil akan mempelajari sesuatu daripada ucapan itu dan

mengemukakan resolusi yang munasabah," kata beliau.

Duta Gambia ke Arab Saudi, Dr Mangom Mukhtar Ceesay, menyifatkan ucapan

Dr Mahathir sebagai yang terbaik sambil memuji Perdana Menteri kerana

wawasannya yang luas mengenai isu itu.

Kuasa Usaha Libya di sini, Ali Alsheriqy berkata beliau kagum apabila

Dr Mahathir membezakan antara keganasan negara dan kesungguhan usaha bagi

perjuangan dan membebaskan wilayah yang diduduki.

Ketua Delegasi Cameroon Adoum Gargoum yang juga Menteri

Perwakilan

Bertanggungjawab bagi Hubungan dengan Hal Ehwat Dunia Islam berkata

Dr

Mahathir adalah satu-satunya pemimpin yang berani bersuara mengenai isu

itu.

"Penjelasannya mengenai perjuangan bagi pembebasan harus diambil perhatian. Kita tidak boleh mengecap mereka yang berada dalam situasi itu

sebagai penganas," kata beliau.

Menteri Luar Oman Yusof Alawi Abdullah melahirkan harapan bahawa ucapan

Dr Mahathir akan mendorong pemimpin lain untuk mula mencari jalan bagi

mewujudkan keamanan.

Pesuruhjaya Tinggi Nigeria ke Malaysia Ibrahim Yarima Abdullahi menyifatkan definisi Dr Mahathir mengenai keganasan sebagai sesuatu yang harus diberi perhatian.

"Analisisnya bersifat objektif dan saya berpendapat jika dunia mendengarnya, kita berpeluang untuk sekurang-kurangnya menangani keganasan dan hidup dalam aman," kata beliau.

Menteri Luar Comoros Halidy Charif berkata: "Ucapan yang cukup bagus itu menunjukkan situasi dunia masa kini. Saya berpendapat dunia akan mendengar dan memberi perhatian kepada ucapan yang penting ini."

Sesi khas itu berakhir pada Rabu.

-- BERNAMA

DC RV RT ZS JK FAZ